

Dawai ortodontik merupakan salah satu komponen penting aplians ortodontik. Dawai khas ini disesuaikan untuk menghasil tekanan yang dapat menggerakkan gigi-gigi ke tempat yang dikehendaki.



Tahukah anda?

- ✓ Anda mungkin mengalami rasa tidak selesa atau sakit semasa memakai aplians ini. Lazimnya kesakitan itu akan hilang selepas beberapa hari memakainya. Anda boleh mengambil ubat penahan sakit jika perlu.
- ✓ Aplians boleh tanggal hendaklah dipakai sepanjang masa. Tanggalkan aplians ini apabila melakukan aktiviti seperti memberus gigi, berenang, makan atau bersukan.
- ✓ Memakai aplians dan alat tambahan seperti yang dinasihatkan akan menghasilkan susunan gigi yang baik.
- ✓ Gigi boleh berganjak. Oleh itu pemakaian aplians pemegang (retainer) adalah penting untuk mengawal dan menghadkan pergerakan gigi supaya gigi yang telah selesai menjalani rawatan ortodontik akan terus tersusun dengan baik.



Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia
MOH/K/GIG/7.2007(PT)



Rawatan Ortodontik



Ketahui Jenis-jenis Aplians Ortodontik

Aplians Ortodontik

Gigi yang tidak tersusun boleh dirawat dengan rawatan ortodontik. Terdapat beberapa jenis aplians ortodontik yang digunakan untuk tujuan tersebut.

1 Aplians Tetap (fixed appliance)

Aplians ini dilekatkan pada permukaan gigi dan disambung dengan menggunakan dawai khas. Alat tambahan seperti gelung getah atau spring kadang kala digunakan. Fungsi aplians ini adalah untuk menggerakkan gigi.

4 Aplians Pemegang (retainer)

Aplians ini biasanya digunakan di fasa akhir rawatan di mana ia mengekalkan gigi pada kedudukan yang baru.

2 Aplians Boleh Tanggalkan (removable appliance)

Aplians ini diperbuat daripada akrilik yang mempunyai cangkuk dawai. Spring mungkin dilekatkan bersama alat ini untuk mengawal pergerakan gigi. Aplians ini boleh ditanggalkan dari mulut.

3 Aplians Fungsi (functional appliance)

Aplians ini bertindak ke atas gigi di rahang atas dan gigi di rahang bawah secara serentak. Ia digunakan untuk menggalakkan perkembangan tulang rahang dan memperbaiki gigitan.

